

U B375 DEB
MAHATHIR - NELAYAN 2 2 2

KUALA TERENGGANU, 4 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MASANYA SUDAH TIBA BAGI NELAYAN NEGARA INI MENGGUNAKAN ARMADA YANG SERBA MODEN UNTUK MENANGKAP IKAN DI LAUT LUAS AGAR SETANDING DENGAN NELAYAN NEGARA-NEGARA YANG TELAH MAJU DALAM SEKTOR PERIKANAN.

MENURUTNYA, ZAMAN MENGGUNAKAN BOT-BOT KECIL UNTUK MENANGKAP IKAN DI PESISIRAN PANTAI DAN MENDARATKAN HASIL TANGKAPAN MEREKA UNTUK KEGUNAAN SENDIRI ATAU DIJUAL KEPADA JIRAN SEKELILING RUMAH, TELAH BERLALU.

+PARA NELAYAN MESTILAH MENGUBAH SIKAP DAN SANGGUP MENINGGALKAN RUMAH TANGGA SEHINGGA SELAMA SATU ATAU DUA BULAN MENGHARUNGI LAUTAN DALAM, JIKA MEREKA MAHU MEMPERBAIKI CORAK PENGHIDUPAN, + TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR SEMASA BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 10,000 ORANG DI MAJLIS PERASMIAN PELABUHAN PERIKANAN CENDERING, DEKAT SINI, PAGI INI.

YANG HADIR SAMA PADA MAJLIS ITU IALAH ISTERI BELIAU, DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH, MENTERI BESAR TERENGGANU, DATUK SERI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD, PEMIMPIN-PEMIMPIN POLITIK DAN KETUA-KETUA JABATAN KERAJAAN.

-- LAGI.

1300MST 04 04 86

MAHATHIR - NELAYAN 2 KUALA TERENGGANU 2 2 2

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PARA NELAYAN NEGARA-NEGARA YANG TELAH MAJU DALAM SEKTOR PERIKANAN SEPERTI JEPUN, KOREA DAN TAIWAN TELAH MAMPU MENEROKA LAUT LUAS, SEHINGGA KE KEPULAUAN FIJI DAN PERAIRAN NEW ZEALAND, DI SELATAN LAUTAN PASIFIK, DENGAN MENGGUNAKAN KAPAL-KAPAL YANG BESAR.

+NELAYAN-NELAYAN MALAYSIA JUGA BOLEH TURUT BERBUAT DEMIKIAN SEKIRANYA MEREKA MENGGUNAKAN KAPAL-KAPAL YANG BESAR DAN LENGKAP DENGAN PERALATAN MODEN, TERMASUK BILIK SEJUK DAN RUANG MEMPROSES IKAN, + KATA BELIAU.

DENGAN PERALATAN YANG MODEN ITU, NELAYAN-NELAYAN BERKENAAN TIDAK PERLU TERGESA-GESA UNTUK PULANG KE DARAT KERANA IKAN YANG DITANGKAP TIDAK MUDAH ROSAK DAN JIKA PERLU HASIL TANGKAPAN ITU BOLEH TERUS DIPROSES DAN SIAP UNTUK DIPASARKAN ATAU DIEKSPORT SEBAIK-BAIK SAHAJA TIBA DI DARAT.

PERDANA MENTERI BERKATA, PENGGUNAAN BOT-BOT YANG BESAR ATAU KAPAL YANG SERBA LENGKAP ITU JUGA BOLEH MEMBANTU MENGURANGKAN BILANGAN NELAYAN DI NEGARA INI. -- LAGI.

1302MST 04 04 86

U B377 DEB
MAHATHIR - NELAYAN 3 KUALA TERENGGANU 2 2 2

MANA-MANA NELAYAN YANG TIDAK BERKESEMPATAN MENYERTAI PELAYARAN KE LAUT LUAS ITU BOLEH MENGUBAH CORAK HIDUP DENGAN MENYERTAI BIDANG-BIDANG LAIN YANG BERASASKAN PERIKANAN SEPERTI MENJADI PENGEDAR IKAN, PENGUSAHA KILANG AIR BATU ATAU PENGILANG BAHAN MAKANAN DARIPADA HASIL LAUT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, SAMBIL KEGIATAN DI LAUT DIPERMODEN, SISTEM PENGANGKUTAN DI DARAT, SISTEM PEMASARAN DAN TEKNIK PENGURUSAN PERIKANAN JUGA PERLU DIPERTINGKATKAN.

BAGI KERAJAAN, PERDANA MENTERI BERJANJI, SEGALA USAHA AKAN DILAKSANAKAN BAGI MEMOLONG KAUM NELAYAN MENCAPAI MATLAMAT ITU.

SATU LANGKAH YANG TELAH DIAMBIL OLEH KERAJAAN KE ARAH ITU IALAH MEMBINA PELABUHAN-PELABUHAN ATAU KOMPLEKS PERIKANAN DI SELURUH NEGARA TERMASUK PELABUHAN PERIKANAN YANG SERBA LENGKAP DI CENDERING YANG BOLEH MENAMPUNG SEGALA KEGIATAN YANG BERKAITAN DENGAN PERIKANAN.

-- BERNAMA.

1305MST 04 04 86